

Talisman yakin hasil minyak naik

TALISMAN Malaysia Ltd, anak syarikat Talisman Energy Inc, menjangkakan projek pembangunan minyak dan gas Medan Utara yang terletak di kawasan komersial (CAA) PM-3 antara luar pesisir Malaysia dan Vietnam akan menghasilkan antara 40,000 hingga 50,000 boe/d (unit bersamaan setong minyak sehari) menjelang awal tahun depan.

Naib Presiden Eksekutif Operasi Antarabangsa (Timur) Talisman Energy, A Paul Blakeley, berkata jangkakan pengeluaran itu berda-

sarkan pentauliahan kemudahan gas kering di projek itu pertengahan tahun ini.

Beliau berkata, projek itu membabitkan lebih 70 empangan, 50 telaga, tiga platform tinggi, platform pemprosesan berpusat, tangki memuat turun dan storan terapung serta lebih 100 kilometer paip dasar laut.

"Kami juga menjangka menggali 16 telaga minyak di Medan Utara tahun ini dengan tambahan sebanyak 13 lagi dijangka tahun depan," katanya pada sidang media sempena perasmian penge-

luaran minyak pertama daripada projek pengembangan Bunga Orkid dari pelantar minyak luar pesisir Bunga Orkid milik Talisman di kawasan pembangunan Medan Utara.

Projek itu yang memulakan operasi pada Julai tahun lalu adalah kerjasama antara Talisman Malaysia yang memegang 41.44 peratus kepingan, Petronas menerusi Petronas cari gali Sdn Bhd (46.06 peratus) dan PetroVietnam Exploration Production Corporation Ltd (PetroVietnam) sebanyak 12.5 peratus.



TUPLING (kiri) bersalaman dengan England pada majlis pelancaran CIMB-Principal China Recovery Structured Fund di Kuala Lumpur, semalam.

CIMB lancar dana pemulihan ekonomi tawar pelabur pendapatan stabil

CIMB-Principal Asset Management Bhd melancarkan dana barunya, CIMB-Principal China Recovery Structured Fund yang menawarkan pelabur dengan pendapatan stabil dan pulangan lebih tinggi berbanding kadar simpanan tetap semasa.

Ketua Eksekutifnya, J Cambell Tupling, berkata dana berstruktur berkenaan akan mengambil peluang daripada pemulihan ekonomi di China dengan jangka masa pelaburan selama lima tahun.

Katanya, syarikat itu menasaskan pelaburan berjumlah RM150 juta daripada pelabur bagi dana yang melabur dalam pemulihan kuasa ekonomi ketiga terbesar dunia itu.

"Sentimen di China semakin beransur pulih dengan pelancaran pakej rangsangan bernilai AS\$585 bilion. Pembangunan positif dapat dilihat dalam sektor utamanya termasuk infrastruktur, perumahan, kesihatan dan pendidikan yang

membolehkan China mencatatkan potensi pertumbuhan tinggi.

"Menerusi dana ini, pelabur berpeluang mendapatkan pendedahan daripada pasaran berkenaan dan menerima pendapatan yang tinggi setahun bergantung kepada prestasi ekuiti China iaitu Dynamic China Index," katanya pada sidang media selepas pelancaran CIMB-Principal China Recovery Structured Fund di Kuala Lumpur, semalam.

Hadir sama, Ketua Perbankan Runcit CIMB Bank, Peter England dan Ketua Pegawai Pelaburan CIMB-Principal, Raymond Tang.

Tupling berkata, dana ter-

tutup itu akan melabur sekurang-kurangnya 95 peratus daripada nilai aset bersih (NAV) ke dalam dana berkenaan dan sehingga lima peratus lagi akan dilaburkan dalam aset cair untuk tujuan kecairan.

Beliau berkata, CIMB-Principal China Recovery Structured Fund mempunyai saiz dana diluluskan 300 juta unit dengan harga tawaran permulaan 50 sen seunit.

Katanya, dana berkenaan akan diedarkan CIMB Bank, CIMB Private Banking, CIMB Investment Bank dan CIMB Wealth Advisors dengan pelaburan pelaburan permulaan dan tambahan minimum sebanyak RM10,000.

"Pelabur boleh menjangkakan tinjauan lebih baik untuk China tahun ini kerana republik itu diramalkan antara negara pertama yang berjaya memulihkan ekonominya," katanya yang turut meramalkan Keuaran Dalam Negara Kasar (KDNK) China sebanyak 7.6 peratus tahun ini.

"Sentimen di China semakin beransur pulih dengan pelancaran pakej rangsangan bernilai AS\$585 bilion"

J Cambell Tupling
Ketua Eksekutif CIMB-Principal Asset Management Bhd

Jaminan selama
18 bulan

KONWA®

Bayaran Ansuran
Ditawarkan Kepada
Semua Produk
Jenama "KONWA"

Kami juga menyediakan mesin untuk menjahit kulit dan bahan tebal. Selain daripada itu, bagi memenuhi permintaan para pelanggan, kami juga menawarkan pelbagai Alat Ganti & Aksesori serta lain-lain peralatan jahitan.



KW-122
Mesin Potong Kain Mini,
sesuai untuk memotong
sebarang kain



KW-2918
Mesin Jahit
Lubang Butang
Industri.



KW-22
Mesin Jahit Sembat



KW-351
Mesin
Penggosok
Berstim,
sesuai
untuk
kegunaan
rumah,
kedai
pakaian
serta butik
pakaian.



KW-1390
Mesin Jahit
Lurus Industri



KW-71201EC
1-Kepala,
12-Jarum,
Mesin Jahit
Sulam
Automatik

KONWA® Konwa Industrial Sewing Machine (M) Sdn Bhd (124740-M)

Ibu Pejabat : Lot 11 & 13, Jalan 51/201, Off Jalan Tandang, Sekyen 51, 46050 Petaiing Jaya, Selangor, Malaysia
Tel: 03-7788 1111 Faks: 03-7788 5555
www.konwa.com.my Email: konwa@konwa.com.my

URL : K B Teas Maja Trading N/P: 012 9614 933 Mr. Lok (Kelantan)
Wakil Perjual : Dahn Sewing Machine Sdn Bhd Tel: 07-438 3708 (Johor)
Dyckat Mesin Jahit Hup Huat Tel: 05-253 1173 / 341 4441 / 253 4503 (Perak)
Tait Sang Sewing Machine Trading Co. Tel: 04-308 5832 / 567 1719 (Pangang)
Kw-Mo Sewing Machine Tel: 04-720 2576 / 019-440 8027 M. Tan (Kedah)
Suzanne Audio Video Sdn Bhd Tel: 09-4043 2029 M. Mok / May (K.L.)
Thames Industrial Sewing Machine Sdn Bhd Tel: 03-3542 3213 / 012-324 3200 (Selangor)
Om Kaka's Trading Tel: 09-5322127 M. Ong (Pahang)